

Jerayawara aspirasi perpaduan nasional

Kluang: Kementerian Perpaduan Negara merancang mengadakan siri jerayawara atau *road show* Pelan Tindakan Perpaduan dalam tempoh terdekat, bagi menjayakan aspirasi perpaduan nasional.

Menterinya, Datuk Halimah Sadique, berkata ia sebahagian daripada kempen kerajaan yang memandang serius terhadap aspek perpaduan negara sejajar keunikan Malaysia sebagai sebuah negara terdiri daripada pelbagai masyarakat majmuk.

“Pihak kementerian akan bergerak ke seluruh negara untuk mendengar dan membuka fikiran mengenai harapan rakyat terhadap perpaduan negara.

“Ketika ini, apa juga pelan atau perancangan yang dilaksanakan, terutama mengenai perpaduan rakyat dan negara, kita perlu kembalikannya kepada rakyat dan perlu dengar apa aspirasi mereka (rakyat).

“Selepas tamat jerayawara ini, kita akan bawa balik pandangan itu untuk mengukuhkan lagi pelan tindakan pembangunan yang dilancarkan pada tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis penyerahan alat pengimbas suhu di Hospital Enche' Besar Hajjah



Halimah (tengah) menyerahkan alat pengimbas suhu kepada Pengarah Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom, Dr Azura Abu Bakar di Kluang, semalam. (Foto BERNAMA)

Kita menyeru seluruh rakyat di negara ini untuk bersama-sama membangkitkan semangat patriotik.

Halimah Sadique,
Menteri Perpaduan Negara

Khalsom, di sini, semalam.

Siri jerayawara terbabit adalah sebahagian daripada kempen berterusan kementerian itu yang kini sudah menubuhkan Kelab Rukun Negara di sekolah rendah, menengah dan universiti awam di seluruh negara.

Halimah berkata, penubuhan kelab itu antara lain bertujuan memantapkan pemahaman Rukun Negara untuk mengekalkan keharmonian perpaduan negara.

“Kita menyeru seluruh rakyat di negara ini untuk bersama-sama membangkitkan semangat patriotik bagi menyambut Hari Kebangsaan tidak lama lagi dengan mengibarkan Jalur Gemilang.

“Rakyat juga perlu mengambil inisiatif sendiri dengan membeli sekurang-kurangnya sehelai bendera Malaysia dan memasanginya di kediaman masing-masing bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan,” katanya.